

RUMAH KUPANG

Rumah Kupang merupakan rumah wakaf bagi jemaah haji Melayu, khususnya mereka yang datang dari daerah Kupang dan Baling, Kedah yang berada di bawah Syekh Abdul Rahman Azhari. Rumah yang terletak di Shuib Amir ini dibeli oleh sekumpulan 50 orang individu dari Kupang daripada seorang Arab bernama Abdul Qadir pada sekitar tahun 1939 untuk dijadikan rumah wakaf. Rumah Kupang yang berkeluasan kira-kira 700 meter persegi dan boleh menempatkan sekitar 30-50 orang pada satu-satu masa itu dibeli atas nama Haji Mohd Rushdi Haji Mahmood yang memiliki kerakyatan Arab Saudi.

PETI SAHARA

Peti Sahara adalah peti yang digunakan untuk mengisi atau menyimpan barang-barang keperluan jemaah haji termasuk kelengkapan memasak dan makanan kering yang dibawa dari kampung halaman masing-masing untuk keperluan sepanjang perjalanan pelayaran ke Mekah. Peti-peti sahara ini akan diangkat dan disimpan digudang berhampiran dengan pelabuhan. Peti ini kemudiannya akan dibawa dari gudang ke kapal apabila kapal yang akan membawa jemaah haji tiba di pelabuhan.

KAPAL-KAPAL HAJI

Antara kapal-kapal yang digunakan untuk membawa jemaah haji ke Mekah sewaktu era pelayaran kapal laut adalah:

- Kapal Anshun (1951)
- Kapal Anking (1951)
- Kapal Malaysia Raya (1970an)
- Kapal Malaysia Kita (1970an)
- Kapal Malaysia Baru (1970an)
- Kapal Kuala Lumpur (1970an)

HUBUNGI KAMI

Unit Sejarah Lisan, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM, Pulau Pinang

No. Tel: 04-6533336

Emel: mahani@usm.my

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, No.57 Jalan Macalister, 10400, George Town, Pulau Pinang

No. Tel: 04-2261461/462

Emel: PSM_enquiries@penangmuseum.gov.my

Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM, Pulau Pinang

No. Tel: 04-6535357

Emel: radia_banu@usm.my

Anjuran bersama Unit Sejarah Lisan, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut USM & Badan Warisan Masjid Melayu Lebuah Acheh

Tempat:

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, No. 57, Jalan Macalister, George Town

Pengkisahan Warisan Haji di Pulau Pinang

Tarikh: 14 April 2018 (Sabtu)

Masa: 9.30 pagi -1.00 tengah hari

Pameran Warisan Haji di Pulau Pinang

Tarikh: 14 April 2018- 14 Julai 2018

Pengkisahan & Pameran Warisan Haji Pulau Pinang Era Pelayaran Kapal Laut

14.04.18 - 14.07.18



WARISAN HAJI PULAU PINANG ERA PELAYARAN KAPAL LAUT

Sejak penghujung kurun ke-18 sehingga 1976, Pulau Pinang menjadi pusat tumpuan jemaah haji dari Tanah Melayu/Malaysia dan lain-lain negara khususnya Siam/Thailand untuk berlepas ke Tanah Suci Mekah dengan menggunakan perkhidmatan kapal laut. Pada tahun 1884, seramai 2,806 orang jemaah haji dari Tanah Melayu telah dicatatkan. Jumlah jemaah haji yang berlepas dari Tanah Melayu terus meningkat dan pada tahun 1911, selepas hampir tiga dekad, jumlah tersebut meningkat ke 11,707 orang. Antara tahun 1915-1918 aktiviti haji terhenti ekoran tercetusnya Perang Dunia Pertama. Bilangan jemaah haji melonjak secara mendadak pada tahun 1920 dengan jumlah jemaah haji seramai 14,397 orang. Tempoh antara 1930-1940 memperlihatkan kemerosotan yang paling ketara dalam bilangan jemaah haji berikutan kemelesetan ekonomi dunia. Dalam proses pengerjaan haji ini, kapal laut merupakan pengangkutan utama dan Swettenham Pier di Pulau Pinang merupakan pelabuhan berlepas yang penting untuk kapal-kapal haji. Sejarah pengangkutan haji menggunakan kapal laut berakhir pada tahun 1977 apabila perkhidmatan kapal terbang mula digunakan untuk membawa jemaah haji ke Mekah.

RESPONDEN

- **HAIJAH HAMSATUN HAJI SALLEH**
 - Pengalaman Kuarantin di Pulau Jerejak
- **HAJI UTAR @MOKHTAR OSMAN**
 - Suasana di Pelabuhan semasa Kapal Berlepas dan Kabin Kapal
- **HAJI AWANG MAHAMUD HJ IBRAHIM**
 - Rumah Kupang di Mekah
- **DATO' DR HAJI WAN SALIM HAJI WAN MOHD NOOR**
 - Pengalaman Kanak-kanak dalam Pelayaran ke Mekah, Persinggahan di Aden dan Ikan Lumba-lumba
- **HAJI AYOB SAAD**
 - Pengalaman Singgah di Aden, Yemen dalam Perjalanan Menuju ke Mekah
- **DATO' HAJI DAUD CHE' NGAH**
 - Pengalaman Sebagai Penolong Pegawai Penerangan dalam Kapal Haji
- **HAIJAH WAN ASMAH WAN MAHMUD**
 - Pengalaman Kapal Dipukul Ribut

- **HAJI ABDUL AZIZ ISMAIL**
 - Pengalaman Sebagai Sheikh Haji
- **DATO' HAIJAH SEKHA SH. MOHD**
 - Membantu Suami yang Merupakan Seorang Sheikh Haji
- **PROFESSOR DATUK HAJI SYED OMAR SYED MOHAMMAD AL-SAGGAFF**
 - Berniaga Kain Batik dan Membantu Sheikh Haji di Mekah dan Madinah
- **ENCIK MOHAMED YAHAYA (ALLAHYARHAM)**
 - Suasana di Lebuah Acheh semasa Musim Haji
- **HAIJAH NOOR JAHAN HJ MD ISMAIL**
 - Rumah Sewa dan Mengambil Upah Menjahit Kain Batik Sarong
- **DATO' ROSLAN HJ ABDUL WAHID**
 - Pengalaman Sebagai Pegawai Polis di Pelabuhan Pulau Pinang semasa Musim Haji
- **ENCIK SYED SAHIL SYED HAIDAR**
 - Pengalaman Sebagai Boarding Officer di Pelabuhan Pulau Pinang
- **ENCIK AHMAD SHAARI**
 - Pengalaman Radio Officer Menguruskan Telegram daripada Jemaah haji

